

Jan 2020



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

79

th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



Program MITASA: Ke Arah Pemantapan Kebajikan Akademia

Oleh: Suriani bt. Jack



Pada 18 April 2019 yang lalu, Kesatuan Kakitangan Akademik, MITASA Cawangan Sarawak dengan kerjasama MITASA UiTM Se-Malaysia telah mengadakan program berbentuk ceramah bertajuk: "Ke Arah Pemantapan Kebajikan Akademia", yang telah diadakan di Bilik Seminar Utama, UiTM Kampus Samarahan 2. Antara objektif program tersebut adalah untuk memberi kefahaman tentang peranan MITASA serta manfaat yang diperolehi sebagai ahli persatuan. Program ini turut membincangkan isu penting tentang hal ehwal kebajikan kakitangan serta mencari ahli baru di kalangan kakitangan akademik. Pelaksanaan program ini telah dihadiri oleh Tuan Presiden MITASA sendiri, Dr. Normaly bin Ismail selaku penceramah, wakil Timbalan Pendaftar, Puan Atikawati bt. Ahmad Razali, beberapa sekretariat MITASA dengan Puan Suriani binti Jack selaku Penyelaras Perhubungan MITASA Cawangan Sarawak serta para pensyarah yang merupakan ahli dan bukan ahli MITASA. Program ini bukan sahaja memberi peluang kepada ahli akademia menyuarakan pendapat dan isu-isu secara berhemah malah merupakan satu platform kepada para akademia dalam membincangkan keperluan untuk pembangunan profesion sebagai pendidik bagi mencapai kecemerlangan akademia para pelajar universiti secara amnya. MITASA Cawangan Sarawak amat berharap agar program seperti ini mendapat perhatian khusus daripada pihak universiti selain menjadi input berguna terutama kepada seluruh warga akademik UiTM Cawangan Sarawak.

(UTI SEMESTER BERSAMA "DATA CAMP")

Oleh: Puteri Faida Alya binti Zainuddin

Fakulti Sains Komputer dan Matematik telah mengadakan Program Pensijilan Profesional DataCamp di Big Data Lab, Kampus Samarahan 2 yang berlangsung pada 24 Julai sehingga 15 Ogos 2019. Seramai 20 orang pelajar daripada pelbagai fakulti telah menamatkan 19 modul wajib bagi program berkenaan. Kebanyakan peserta tidak mempunyai pengetahuan tentang DataCamp tetapi tetap komited hadir sehingga program tamat. DataCamp merupakan satu platform pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi trek 'Data Analyst with R' yang dikendalikan oleh para pensyarah fakulti terbabit. Sijil penyertaan telah disampaikan oleh Ketua Pusat Pengajian, Cik Adeline Engkammat.



BENGKEL PERISIAN SPSS

Oleh: PM Dr. Tang Howe Eng, Imelia Laura Daneil

Unit Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengadakan "Bengkel Perisian SPSS" di Makmal Komputer, Fakulti Pengurusan Perniagaan pada 22 Oktober 2019. Bengkel ini telah dihadiri oleh 20 orang staf akademik UiTM Kampus Mukah. Bengkel Perisian SPSS bertujuan untuk mendedahkan para peserta kepada penggunaan aplikasi komputer SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) untuk penulisan dan penyelidikan dengan kepelbagaian cara analisis serta memudahkan kerja-kerja analisa data penyelidikan agar lebih sistematik. Penceramah bengkel ini adalah Dr. Jeffrey Lawrence D'Silva



Sesi bengkel Perisian SPSS oleh Dr. Jeffrey Lawrence D'Silva



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: corporate@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my

ISSN 2232-1576



9 772232 157005